

MAIPk.(BP) A603/656/3



MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

PEKELILING DALAMAN MAIPk BILANGAN 2 TAHUN 2014

KADAR BAYARAN BALIK LETAK KERETA

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan menjelaskan kelayakan dan kaedah pelaksanaan peraturan Kadar Bayaran Balik Letak Kereta bagi pegawai Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk).

LATAR BELAKANG

2. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2009 berkaitan "Pindaan Kadar Bayaran Balik Letak Kereta" telah dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia melalui Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia bertarikh 28 Januari 2009.

3. Bayaran Balik Letak Kereta diberi pegawai MAIPk yang disahkan oleh Ketua Jabatan perlu menggunakan kenderaan bagi menjalankan tugas rasmi dan menyewa ruang letak kereta di pejabat masing-masing.

PEMAKAIAN

4. Pihak Pengurusan MAIPk telah membuat keputusan menerima keseluruhan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2009 tersebut kepada Pegawai MAIPk terhad kepada **RM40.00 sebulan** seperti berikut –

- 4.1. disahkan oleh Ketua Jabatan bahawa pekhidmat perlu menggunakan kenderaan sendiri untuk menjalankan tugas rasmi;
- 4.2. menyewa petak letak kereta yang terletak di persekitaran pejabat dan disewa secara bulanan;
- 4.3. tuntutan dibuat melalui tuntutan perjalanan bulanan pegawai; dan
- 4.4. Bayaran Balik Letak Kereta adalah berdasarkan resit / kupon.

TARIKH KUATKUASA

5. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 November 2014**.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”



(DR. AMIRUDDIN BIN MUHAMED)
Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

11 NOVEMBER 2014

Salinan kepada

Salinan kepada

Penasihat MAIPk

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan)

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan)

Semua Pengurus Besar

PT - Perkhidmatan
- Perjawatan
- Rekod
- Sumber Maklumat (HRMIS)

Fail Timbul

“PEMBUDAYAAN INOVASI, PEMANTAPAN PRESTASI”